



HOSPITAL MIRI
JALAN CAHAYA
98000 MIRI
SARAWAK

Tel : 085-420033
 Faks : 085-416514
 Email : hospitalmiri@moh.gov.my
 http://hmiri.moh.gov.my



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa dan terbuka kepada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah semasa membuat permohonan perkhidmatan seperti berikut :-

BIL	TAJUK	KELAYAKAN	Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebut Harga
1.	No. Sebut Harga : HMIRI/2019/SH/016 SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (TASKA & TADIKA), DI HOSPITAL MIRI, SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	i) Perakuan Pendaftaran dengan Kewangan Kod Bidang : 221506 - Perkhidmatan Penyewaan dan Pengurusan Bangunan / Pejabat / Stor / Ruang Niaga / Rumah Kediaman ii) Taraf/Jenis Syarikat ; BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA iii) Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iv) Berdaftar dalam NEGERI SARAWAK sahaja	WAJIB HADIR 9 Mei 2019 (Khamis) @ 9.00 Pagi LOKASI: Bilik Mesyuarat, Kenyalang, Hospital Miri	23 Mei 2019 (Khamis) @ 12.00 Tengahari


2. Syarikat yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Kementerian Kewangan Malaysia serta memastikan yang pendaftaran syarikat mereka masih lagi sah. Sebutharga-Sebutharga hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Lampiran Q** yang boleh didapati dari **Unit Perolehan, Hospital Miri, Jalan Cahaya, 98000 Miri** dengan **percuma**. Sebutharga yang tidak menggunakan **Lampiran Q** asal yang dikeluarkan oleh pejabat ini dan salinan fotostat akan **ditolak**.
3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah mengemukakan **salinan asal Sijil Akuan Pendaftaran Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) (Jika Berkaitan)**, semasa mengambil dokumen sebutharga. Bagi lawatan tapak, **PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kewangan WAJIB hadir semasa lawatan tapak. Kontraktor/syarikat TIDAK BOLEH** mewakili pegawai lain untuk hadir ke sesi **LAWATAN TAPAK** ini. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan penyertaan sebutharga tidak dapat dipertimbangkan.
4. Sebut harga yang telah lengkap diisi, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berukuran 10" x 15" dan dimeteraikan serta di atasnya bertanda "**SULIT**" dan bertulis tajuk dan nombor sebut harga. Sebut harga hendaklah dihantar secara pos atau serahan tangan ke alamat berikut :

Peti Sebutharga (Pejabat Am)
Pengarah Hospital
Hospital Miri,
Jalan Cahaya, Lopeng
98000 Miri, SARAWAK

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah dan kerajaan berhak memilih mana-mana tawaran daripada penyebut harga yang berpatutan. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Sebutharga ini adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR. JACK WONG SIEW YU

Pengarah Hospital,
Hospital Miri

Tarikh : 02 Mei 2019

s.k. : Residen Bahagian Miri
: Pegawai Daerah Miri
: Pegawai Kesihatan Bahagian Miri
: Hospital Marudi
: Pejabat Daerah Marudi
: Papan Notis Hospital Miri

} (Untuk Papan Kenyataan Tuan)